

**GARIS PANDUAN  
PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS  
KENDERAAN DI BAWAH RETURNING EXPERT PROGRAMME (REP)**

**Pengenalan**

- (i) Peserta REP layak mendapat pengecualian **duti import dan duti eksais terhad sehingga RM150,000 (terhad sehingga RM100,000 bagi permohonan yang diterima oleh pihak Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mulai 1 Januari 2021)** ke atas **sebuah kenderaan persendirian** yang dibawa balik dari luar negara (CBU) atau pembelian kenderaan pemasangan tempatan (CKD).
- (ii) Bagi permohonan yang diterima oleh pihak Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mulai 1 Januari 2024, peserta REP hanya layak mendapat **pengecualian duti eksais terhad sehingga RM100,000 ke atas pembelian seunit kenderaan pemasangan tempatan (CKD)** sahaja.

**1. Kriteria Kelayakan**

- (i) Pemohon diluluskan di bawah REP oleh TalentCorp;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport/dibeli hendaklah **didaftarkan atas nama pemohon**. Hanya **sebuah** kenderaan layak diberi pengecualian duti/cukai;
- (iii) Permohonan hendaklah dibuat dalam **tempoh sah laku kelulusan REP** yang ditetapkan oleh TalentCorp;
- (iv) Kenderaan **tidak boleh dijual atau ditukar hak milik dalam tempoh 2 tahun** daripada tarikh kenderaan didaftarkan atas nama pemohon. Penjualan atau penukaran hak milik kenderaan **sebelum tempoh 2 tahun** perlu mendapat kebenaran Kementerian Kewangan;
- (v) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik tanpa membayar balik duti/cukai mengikut kiraan nilai semasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- (vi) Pelanggaran mana-mana syarat kelulusan yang ditetapkan oleh TalentCorp dan Kementerian Kewangan boleh menyebabkan status pengecualian ini ditarik balik dan duti/cukai yang dikecualikan hendaklah dibayar sepenuhnya berdasarkan kiraan asal oleh JKDM; dan
- (vii) Pembelian kenderaan CKD hendaklah dibeli daripada stok yang belum dibayar duti/cukai.

**2. Dokumen-Dokumen Yang Perlu Disertakan (disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Pesuruhjaya Sumpah)**

- (i) Salinan surat keputusan mesyuarat daripada TalentCorp;
  - (ii) Salinan Surat Akuan Tarikh Kembali (SATK) daripada TalentCorp;
  - (iii) Salinan penyata gaji bulanan terkini;
  - (iv) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
  - (v) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);
  
  - (vi) Dokumen tambahan bagi kenderaan CKD:
    - Surat pengesahan harga kenderaan dan cukai berbayar daripada pengedar kenderaan yang sah; dan
    - Surat pengesahan bagi nombor enjin dan nombor casis kenderaan daripada pengedar kenderaan yang sah.
  
  - (vii) Dokumen tambahan bagi kenderaan CBU:
    - Salinan Permit Import (AP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
    - Salinan taksiran duti/cukai kenderaan daripada JKDM;
    - Salinan geran kenderaan; dan
    - Salinan invoice pembelian kenderaan.
3. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) melalui sistem <https://mycukai.treasury.gov.my/portal>.
4. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

**Nama** : **Puan Siti Fatimah Zaharah binti Yahaya**  
**Nombor Telefon** : **03-8882 4638**  
**E-mel** : **fatimah.zaharah@treasury.gov.my**

**Nama** : **Puan Nur Izzatul Adilah binti Muhamad Jamil**  
**Nombor Telefon** : **03-8882 3595**  
**E-mel** : **izzatul.jamil@treasury.gov.my**

**Nama** : **Puan Nurul Natasha binti Jaffri**  
**Nombor Telefon** : **03-8882 3373**  
**E-mel** : **natasha.jaffri@treasury.gov.my**